

Mesyuarat Rantau Panjang sah: Dr M

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan, mesyuarat perwakilan UMNO Rantau Panjang yang berlangsung 30 Januari lalu adalah sah dari segi perlembagaan parti.

Perdana Menteri menegaskan, keputusan tersebut telah dibuat oleh Perhubungan UMNO Negeri Kelantan sendiri.

Bagaimanapun, tambah beliau, semua mesyuarat perwakilan Bahagian dan mesyuarat agung Cawangan UMNO negeri itu terpaksa digantung untuk sementara waktu bagi meredakan suasana.

“Tindakan tersebut hanya merupakan tindakan berjaga-jaga sahaja sejajar dengan sifat

konservatif UMNO sendiri,” jelasnya.

Tetapi, tambahnya, mereka perlu mengadakan mesyuarat masing-masing sebelum 18 Mei seperti yang ditetapkan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian setibanya di lapangan terbang TUDM di sini selepas mengadakan lawatan rasmi selama dua hari di Kelantan.

Mesyuarat UMNO Bahagian Rantau Panjang merupakan mesyuarat yang kontroversial sekali bila kekecohan berlaku dalam pemilihan ketua.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Hussein Ahmad mendapat 221 undi manakala penentangannya, Encik Hassan Abdullah, seorang pegawai tinggi kerajaan dan Setiausaha

Jawatankuasa Keselamatan Negeri hanya mendapat tiga undi.

Presiden UMNO itu mensifatkan keadaan UMNO Kelantan terkawal dan berkata, “Saya puashati dengan keadaan perpaduan yang terdapat di negeri itu.”

“Ini disebabkan pimpinan UMNO di Kelantan di bawah Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah berupaya mengatasi segala masalah yang timbul,” tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menolak kemungkinan pergeseran di kalangan pucuk pimpinan UMNO Kelantan.

“Pergeseran antara pucuk pimpinan atasan UMNO Kelantan tidak wujud sama sekali tetapi kemungkinan pihak bawahan itu tidak dapat ditolak.”

Mengenai Barisan Nasional Kelantan, beliau menyatakan, tidak ada perpecahan di kalangan parti komponen terutama antara UMNO dan Berjasa.

Menurut beliau, kerjasama antara UMNO dan Berjasa adalah kukuh seperti yang berlaku dalam tahun 1978 dulu.

Beliau juga menyatakan, pertemuan dengan pemimpin BN pagi tadi di Kelantan semata-mata untuk meninjau pendapat mereka tentang cara-cara untuk mengeratkan kerjasama BN dalam menyusun strategi parti.

“Kita membincangkan cara-cara untuk mengeratkan kerjasama parti komponen dan jika tidak boleh mengeratkan kerjasama mengapa keadaan itu berlaku,” tegas beliau.